

IMBUHAN (20 markah)

Arahan: Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini. Kemudian, lorek bujukan berangka di Kertas OAS yang disediakan berdasarkan jawapan pilihan kamu itu.

<p>Beberapa ekor memerang telah kelihatan di Kebun Bunga Singapura petang semalam. Sebelum (1)____, memerang-memerang itu telah mencederakan beberapa orang warga emas yang sedang (2)____ senaman ringan di taman.</p> <p>Memerang-memerang itu (3)____ berlegar-legar di kawasan tersebut sejak seminggu yang lalu. Sebelum ini, kawasan itu pernah mengalami (4)____ keluarga memerang yang berkeliaran. Namun ini kali pertama memerang-memerang itu (5)____ keselamatan manusia.</p> <p>Pihak pemerintah telah menasihati orang ramai agar tidak (6)____ sebarang jenis makanan kepada memerang-memerang itu. Tindakan tersebut akan hanya membuat memerang-memerang itu (7)____ kepada manusia di situ sebagai sumber rezeki. Memerang-memerang itu akan mula (8)____ untuk mendapatkan makanan.</p> <p>Perkara ini terjadi kerana habitat asli memerang-memerang itu telah (9)____ oleh manusia kerana projek pembangunan. Kisah ini telah mengingatkan kita agar prihatin terhadap (10)____ sekeliling. Kita perlu ingat bahawa memerang-memerang ini juga mahu terus hidup.</p>	<p>1 (1) ditangkap (2) tangkapkan (3) tangkapan (4) tertangkap</p> <p>2 (1) berlaku (2) dilakukan (3) kelakuan (4) melakukan</p> <p>3 (1) kelihatan (2) lihatkan (3) melihat (4) terlihat</p> <p>4 (1) diganggu (2) gangguan (3) mengganggu (4) terganggu</p> <p>5 (1) ancaman (2) diancam (3) mengancam (4) terancam</p> <p>6 (1) diberi (2) memberi (3) memberikan (4) pemberi</p> <p>7 (1) bergantung (2) digantung (3) menggantung (4) tergantung</p> <p>8 (1) diserang (2) menyerang (3) penyerang (4) serangan</p> <p>9 (1) dimusnahkan (2) kemusnahan (3) memusnah (4) pemusnah</p> <p>10 (1) berada (2) diadakan (3) keadaan (4) mengadakan</p>
--	---

PERIBAHASA (10 markah)

Arahan: Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi setiap item dalam petikan karangan di bawah ini. Kemudian, lorek bujukan berangka di Kertas OAS yang disediakan berdasarkan jawapan pilihan kamu itu.

<p>Encik Zaid telah bercadang hendak membawa keluarganya melancong ke Jepun pada cuti penggal akhir tahun.</p> <p>“Mengapa ke Jepun? Selalunya Abang membawa kita ke Malaysia sahaja. Tentu mahal tambangnya,” tanya isteri Encik Zaid kehairanan.</p> <p>Encik Zaid telah membuat (11) <u>kata putus</u> untuk membawa keluarganya melihat negara-negara yang jauh. Jauh perjalanan, luaslah pemandangan. Dia tidak mahu anak-anaknya menjadi (12) <u>orang yang cetek ilmu pengetahuannya kerana tidak terdedah dengan isu semasa di sekelilingnya</u>.</p> <p>Encik Zaid tertarik dengan cerita rakan sekerjanya yang baru pulang dari Jepun. Menurutnya, pemandangan di negara itu sungguh cantik. Orang-orangnya pula (13) <u>rajin bekerja</u>, bersikap sopan, dan tidak berputus asa untuk berjaya hingga ke hari ini.</p> <p>“Saya tidak mahu Abang (14) <u>bekerja keras dengan bermati-matian</u> hanya untuk ke Jepun. Takut Jepun tidak jadi, nanti ke hospital pula,” tambah isteri Encik Zaid lagi.</p> <p>Encik Zaid hanya tersenyum mendengarkan kata-kata isterinya. Memang sejak dari dulu lagi dia ada keinginan untuk ke sana. Sebagai (15) <u>tulang belakang</u> keluarganya, dia akan pastikan keluarganya akan ke sana pada akhir tahun itu.</p>	<p>11 (1) ketentuan terakhir (2) usaha yang sia-sia (3) tulisan yang buruk dan sukar dibaca (4) hadiah yang diberikan sebagai kenang-kenangan</p> <p>12 (1) anak emas (2) bagai tikus membaiki labu (3) seperti kacang lupakan kulit (4) seperti katak di bawah tempurung</p> <p>13 (1) murah hati (2) manis mulut (3) ringan tulang (4) diam-diam ubi</p> <p>14 (1) buruk siku (2) perah otak (3) berani mati (4) banting tulang</p> <p>15 (1) barang yang dibawa sebagai hadiah (2) ikatan persaudaraan tidak boleh diputuskan (3) anak yang diambil dan dijadikan sebagai anak sendiri (4) orang yang dianggap tempat berlindung dalam sesuatu kumpulan dan lain-lain</p>
--	---

GOLONGAN KATA (10 markah)

Arahan: Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

Azmi berjalan ke arah restoran itu. Dia tidak sabar untuk pergi ke restoran itu. Dia dengar daripada ramai pelanggan tentang (16)_____ makanan yang positif di restoran itu.

- 16**
- (1) ulasan
 - (2) laporan
 - (3) saranan
 - (4) umpatan

Setelah tiba di restoran itu, Azmi (17)_____ gerak-geri tukang masak di restoran itu. Tukang masak itu tetap kuat bekerja (18)_____ menerima banyak pesanan. Semasa dia sedang bekerja, dia masih (19)_____ dalam melayani pelanggan-pelanggannya. Azmi kagum dengan tukang masak itu.

- 17**
- (1) menonton
 - (2) merenungkan
 - (3) memerhatikan
 - (4) memikirkankan

Ketika di situ, Azmi juga akan (20)_____ dengan pelanggan-pelanggan lain di situ dan berbual-bual dengan mereka. Azmi berharap untuk menjadi pelanggan tetap di restoran itu kerana makanan yang dihidangkan memang lazat.

- 18**
- (1) tetapi
 - (2) sambil
 - (3) kerana
 - (4) walaupun

- 19**
- (1) elok
 - (2) ramah
 - (3) mudah
 - (4) senang

- 20**
- (1) bertemu
 - (2) berkenalan
 - (3) bersembang
 - (4) berwawancara

KEFAHAMAN 1 (10 markah)

Arahan: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Lawatan sambil belajar ialah satu kegiatan yang biasanya dilakukan oleh pelajar dan guru selepas waktu sekolah atau semasa cuti sekolah. Lawatan sambil belajar ini selalunya berkaitan dengan sesuatu topik atau isu yang sedang diajarkan di sekolah. Ia berfungsi untuk mengukuhkan lagi pembelajaran tentang topik atau isu tersebut. Setiap kali kegiatan sedemikian dianjurkan oleh pihak sekolah, pelajar pasti akan berminat untuk turut serta. Sememangnya, lawatan sambil belajar ini banyak manfaatnya.

Pelajar akan dapat menambah dan meningkatkan pengetahuan mereka. Biasanya, tempat-tempat yang dilawati pelajar merupakan tempat yang belum pernah mereka pergi atau mereka mungkin tidak akan berpeluang untuk ke sana jika tidak ditemani guru kerana tempat-tempat itu tidak dibuka kepada orang ramai. Ini menimbulkan rasa ghairah dan ingin tahu dalam diri pelajar. Setibanya mereka di tempat-tempat itu, pelajar selalunya akan diberikan buku catatan untuk mereka menulis perkara-perkara penting sepanjang lawatan itu. Kadang kala, buku catatan itu juga mengandungi soalan-soalan atau aktiviti-aktiviti yang perlu pelajar selesaikan berdasarkan apa yang mereka lihat atau dengar semasa lawatan itu. Pelajar juga digalakkan untuk menanyakan soalan kepada fasilitator yang membawa mereka mengelilingi tempat-tempat itu.

Pengetahuan yang diperolehi daripada lawatan sambil belajar ini biasanya akan kekal lebih lama dalam minda pelajar. Hal ini berlaku kerana pelajar menggunakan pelbagai pancaindera untuk mendapatkan maklumat. Di samping itu, lawatan sambil belajar dapat membuka mata dan meluaskan minda pelajar, serta meninggalkan kesan yang mendalam kepada pelajar. Lawatan sambil belajar turut memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar seperti bekerjasama, berdaya bingkas dan berdisiplin. Pelajar yang menyertai lawatan sambil belajar ini juga akan lebih bermotivasi untuk belajar. Bahkan, lawatan-lawatan sedemikian dapat menaikkan semangat dan minat pelajar untuk mendalami perkara yang tidak diketahui sebelum ini.

Kesimpulannya, lawatan sambil belajar merupakan salah satu **kaedah** pengajaran di luar bilik darjah yang boleh dijalankan oleh guru. Bagi mencapai matlamat pengajaran dan pembelajaran yang diinginkan, guru perlu membuat persediaan yang rapi sebelum dan semasa lawatan. Dengan adanya lawatan sambil belajar, pelajar akan berasa seronok di samping meraih pengalaman baharu yang berharga.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 6, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

- 21** Tujuan utama lawatan sambil belajar ialah untuk _____.
- (1) meningkatkan ilmu pelajar
 - (2) menggalakkan penyertaan pelajar
 - (3) mengisi masa pelajar selepas sekolah tamat
 - (4) mengeratkan hubungan pelajar dan guru di luar bilik darjah
- 22** Tempat-tempat yang dilawati sering kali merupakan tempat yang belum pernah mereka pergi. Ini memberi mereka kesempatan untuk _____.
- (1) ditemani oleh guru mereka
 - (2) mencatat perkara-perkara penting
 - (3) melihat dan mendengar penerangan
 - (4) berkunjung ke sana buat kali pertama
- 23** Pelajar tidak akan mudah lupa ilmu yang telah diraih kerana mereka _____.
- (1) menanyakan soalan semasa lawatan
 - (2) menulis dalam buku catatan semasa lawatan
 - (3) menyelesaikan aktiviti-aktiviti semasa lawatan
 - (4) menggunakan kesemua deria semasa lawatan
- 24** Pelajar akan lebih berminat untuk belajar selepas melibatkan diri dalam lawatan sambil belajar ini kerana mereka _____.
- (1) dapat meluaskan minda mereka
 - (2) telah dipupuk dengan nilai-nilai murni
 - (3) dapat mendalami perkara yang baharu
 - (4) telah diajar oleh guru di luar bilik darjah
- 25** Perkataan 'kaedah' dalam perenggan keempat bermaksud _____.
- (1) cara
 - (2) sifat
 - (3) jenis
 - (4) usaha

FRASA (8 markah)

Arahan: Isi setiap tempat kosong dalam dialog di bawah ini dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

- (1) habis dicuri orang
- (2) semuanya dipinjam orang
- (3) tempat yang paling selamat
- (4) percaya dengan perkhidmatan
- (5) untuk membuka akaun simpanan
- (6) peduli dengan syarat-syarat ditetapkan

Murad: Ayah, lihat berita ini! Seorang warga emas telah kehilangan wang simpanannya. Wang yang disimpan selama beberapa tahun **(26)**_____.

Ayah: Di mana dia menyimpan wangnya?

Murad: Menurut laporan akhbar ini, di bawah tilamnya.

Ayah: Apa? Di bawah tilam? Mengapa dia tidak menyimpannya di bank?






Murad: Mungkin dia menyangka itulah **(27)**_____ atau mungkin juga, dia tidak **(28)**_____ yang ditawarkan oleh bank.

Ayah: Mungkin juga dia tidak tahu cara menyimpan wang di bank.

Sarah: Kasihan nasib warga emas itu ya, Ayah. Mujurlah ayah sudah membawa kami ke bank tempoh hari **(29)**_____. Kini, kami tahu cara-cara menyimpan wang di bank.

Kefahaman 2: Rangsangan Grafik (10 markah)

Arahan: Teliti brosur yang berikut.

<p>Dapatkan kit Ujian Pantas Antigen (ART) percuma di kelab masyarakat berdekatan</p> 	<p>Memerangi COVID-19 ialah Tanggungjawab Kita Bersama!</p> <p>Jangan abaikan simptom-simptom anda. Simptom-simptom ringan juga boleh membawa kemudaratan serius kepada warga emas dan mereka yang berisiko tinggi dalam keluarga anda.</p>		
<p>Kempen 'Memerangi COVID-19 ialah Tanggungjawab Kita Bersama!' bertujuan untuk mendidik dan menggalak orang ramai supaya memainkan peranan dalam usaha melawan COVID-19.</p> <p>Kadar jangkitan koronavirus dalam kalangan masyarakat semakin meningkat dan membimbangkan. Justeru, orang ramai dinasihati agar mengambil langkah berjaga-jaga ketika berada di tempat awam.</p> <p>Majlis pelancaran kempen memerangi COVID-19 akan dirasmikan oleh tetamu terhormat, Encik Amin Amran, di Wisma Geylang Serai pada 30 Oktober, jam 2 petang.</p>			
<p>Aktiviti-aktiviti yang akan diadakan</p> <ul style="list-style-type: none">* Mempelajari cara menggunakan ART* Mengetahui langkah-langkah yang harus diambil jika mengalami gejala COVID-19 atau didapati positif dalam ART* Sesi soal jawab tentang melakukan ART* Perkongsian pengalaman pesakit COVID-19			
<p>Jika anda atau keluarga anda mempunyai simptom-simptom ringan, segera ke klinik.</p> <ul style="list-style-type: none">* Seseorang yang memiliki simptom-simptom ringan juga boleh menghidapi COVID-19 dan hanya ujian swab boleh mengesahkannya.* Ujian awal boleh memberikan ketenangan minda sekiranya hasil ujian negatif manakala jagaan serta rawatan yang tepat boleh diberikan sekiranya hasil ujian positif.			
<p>Apakah yang harus dilakukan jika anda atau anggota keluarga anda dijangkiti COVID-19?</p>			
 <p>Siapkan bilik atau ruang berasingan dan jauhkan diri daripada orang lain.</p>	 <p>Gunakan pelitup jika berada dalam bilik bersama orang yang sakit.</p>	 <p>Bersihkan dan basmi kuman di permukaan yang kerap disentuh.</p>	 <p>Pastikan pesakit berehat dan banyak minum air.</p>

Arahan: Berdasarkan brosur di halaman 3, pilih jawapan yang paling sesuai bagi Soalan 30 hingga Soalan 32. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan. Bagi Soalan 33, tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan di halaman 4.

30 Kit Ujian Pantas Antigen (ART) boleh didapati percuma dari _____.

- (1) klinik
- (2) tempat awam
- (3) Wisma Geylang Serai
- (4) kelab masyarakat berdekatan

31 Kempen ini bertujuan untuk menggalakkan orang ramai supaya _____.

- (1) menyedari bahaya COVID-19
- (2) memainkan peranan dalam usaha melawan COVID-19
- (3) tahu apa yang harus dilakukan jika dijangkiti COVID-19
- (4) tertarik untuk mengikuti majlis pelancaran kempen memerangi COVID-19

32 Sekiranya kita berada dalam satu bilik bersama pesakit COVID-19, kita perlu _____.


- (1) menggunakan pelitup
- (2) menyiapkan bilik atau ruangan berasingan
- (3) memastikan pesakit minum air secukupnya
- (4) menasihati pesakit agar mempunyai rehat yang secukupnya

SOALAN	JAWAPAN
30	
31	
32	

Kamu mahu mengajak datuk kamu yang mempunyai simptom-simptom ringan untuk pergi berjumpa doktor. Untuk meyakinkan datuk kamu itu, kamu harus menerangkan kepadanya **dua** sebab beliau harus berjumpa doktor.

Gunakan informasi dalam brosur untuk melengkapkan pesanan ringkas di bawah ini.

(4 markah)



Datuk, kita harus berjumpa doktor kerana _____

KEFAHAMAN 2 (22 markah)

Arahan: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Zaki hairan. Dari tadi, dia melihat ayahnya yang asyik termenung sahaja. Sebelum sempat Zaki bertanya, ayahnya pun bersuara.

“Zaki, teruskan bersekolah, ya sayang. Tentang masalah bayaran yuran sekolah yang masih belum dibayar itu, biarlah nanti ayah cuba cari wangnya,” kata Pak Abu kepada anaknya dengan risau.

“Ayah mahu Zaki jadi seperti kakak Fatin di universiti. Hanya kakak Fatin dan Zaki sahaja harapan Ayah dan Ibu,” sambung Pak Abu.

Selepas mendengar kata-kata ayahnya, Zaki bertekad untuk berhenti sekolah dan mencari pekerjaan bagi membantu keluarganya.

“Zaki, Cikgu Johan ingin berjumpa dengan kamu,” kata ketua kelas.

Zaki tersentak daripada lamunannya lalu meluru keluar menuju ke bilik kaunseling. Dia pasti akan dimarahi kerana tempoh pembayaran yuran sekolah berakhir pada hari itu. Namun, dia masih tidak berupaya untuk mendapatkan wang.

“Selamat pagi, Cikgu,” sapa Zaki dengan penuh hormat.

“Selamat pagi, Zaki. Sudah seminggu awak tidak ke sekolah. Kenapa? Kalau kamu ada masalah, cuba ceritakan kepada Cikgu.” Cikgu Johan memulakan pertanyaannya.

Zaki diam sahaja. Dia menundukkan kepalanya. Sebenarnya, Zaki malu untuk memberitahu Cikgu Johan perkara yang sebenar.

“Zaki, dari segi akademik, awak berpotensi untuk terus berjaya. Jadi, mengapakah awak tidak datang ke sekolah? Banyak mata pelajaran yang telah awak abaikan. Awak sakitkah?” tanya Cikgu Johan dengan lembut.

Zaki menghela nafas panjang sebelum menceritakan hal yang sebenar. Zaki memberitahu Cikgu Johan bahawa dia hendak berhenti sekolah tetapi kedua-dua orang tuanya melarang. Kehidupan keluarga Zaki amat susah. Hanya ayah yang bekerja dengan wang gaji yang sedikit. Ibu pula perlukan rawatan untuk penyakit semputnya itu. Kakak yang menuntut di universiti juga memerlukan wang yang banyak.

Oleh itu, Zaki tidak tergamak hendak meminta wang daripada ayahnya. Zaki telah membantu jirannya di gerai makan selama seminggu dia tidak hadir ke sekolah. Dengan wang yang dia dapat itu, dia ingin melunaskan wang yuran sekolah.

“Oh, begitu keadaan keluarga awak. Jangan kluatir, ya. Saya mahu awak belajar dengan tekun. Tentang wang yuran sekolah itu, biarlah saya uruskan nanti,” nasihat Cikgu Johan.

Zaki tidak tahu apa yang harus dikatakan. Budi baik Cikgu Johan tidak akan dapat dilupakan buat selama-lamanya.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan yang diberi, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

34 Mengapakah Zaki berasa hairan?

(2 markah)

35 Berikan dua sebab mengapa Pak Abu bersungguh-sungguh sekali meminta Zaki agar meneruskan persekolahannya

(4 markah)

36 Apakah hal yang membuat Pak Abu risau?

(2 markah)

37 Zaki seorang anak yang prihatin akan keadaan keluarganya yang susah. Berikan **dua** bukti yang menunjukkan sikap tersebut.

(4 markah)

38 Berikan **dua** sebab mengapa keluarga Zaki menghadapi masalah kewangan.

(4 markah)

39 'Budi baik Cikgu Johan tidak akan dapat dilupakan buat selama-lamanya.' Nyatakan **dua** perbuatan Cikgu Johan yang menunjukkan sikap baik hatinya.

(4 markah)

40 Terdapat perkataan dalam petikan yang mempunyai maksud yang sama dengan frasa di bawah. Kenal pasti perkataan tersebut. Kemudian tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan.

(2 markah)

(a) kehendak yang bersungguh-sungguh

(b) menjelaskan hutang

Selesai